

Rujukan kami : UNIMAP/PEND/101/2-6 (17)
Tarikh : 9 DISEMBER 2013



PEKELILING PENDAFTAR

BILANGAN 8 TAHUN 2013

MAKLUMAN HARI KELEPASAN AM BAGI TAHUN 2014

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Staf dan Pelajar Universiti Malaysia Perlis mengenai Hari Kelepasan Am Bagi Tahun 2014.

2.0 LATAR BELAKANG

Bagi memastikan pengurusan organisasi dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan, semua staf dan pelajar perlu peka akan tarikh-tarikh hari kelepasan am yang telah ditetapkan. Jadual hari kelepasan am ini berpandukan kepada Jadual Hari Kelepasan Am Persekutuan 2014 dan Jadual Hari Kelepasan Am Negeri 2014 yang dikeluarkan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan Dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan jika mana-mana hari kelepasan am itu jatuh pada hari kelepasan mingguan atau kelepasan yang lain, maka hari tersebut hendaklah digantikan dengan hari esoknya dan jika hari esoknya itu pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari berikutnya pula hendaklah dijadikan hari kelepasan am. Jika hari kelepasan itu jatuh pada hari Sabtu, maka tiada cuti ganti baginya.

Rujukan kami : UNIMAP/PEND/101/2-6 (17)
Tarikh : 9 DISEMBER 2013

4.0 KALENDER CUTI KELEPASAN AM BAGI TAHUN 2014

Butiran maklumat cuti adalah seperti di Lampiran.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Hari Kelepasan Am 2014 adalah mulai 1 Januari 2014 dan akan tamat pada 31 Disember 2014.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
Amalan Bertindak, Hasil Berimpak

Saya yang menurut perintah,



(ZUBER BIN HAJI MOHAMAD)
Pendaftar

s.k Naib Canselor
Semua Timbalan Naib Canselor
Bendahari
Pustakawan
Semua Ketua Jabatan/Dekan

Rujukan kami : UNIMAP/PEND/101/2-6 (17)
Tarikh : 9 DISEMBER 2013

HARI KELEPASAN AM TAHUN 2014

TARIKH	HARI	HARI KELEPASAN AM
14 JANUARI	SELASA	HARI KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD S.A.W (MAULIDUR RASUL)
31 JANUARI 1 FEBRUARI	JUMAAT SABTU	TAHUN BARU CINA TAHUN BARU CINA (HARI KEDUA)
1 MEI	KHAMIS	HARI PEKERJA
13 MEI	SELASA	HARI WESAK
17 MEI	SABTU	HARI KEPUTERAAN DYMM RAJA PERLIS
27 MEI	SELASA	ISRAJ DAN MIKRAJ
7 JUN	SABTU	HARI KEPUTERAAN DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG
15 JULAI	SELASA	NUZUL AL-QURAN
28 JULAI 29 JULAI	ISNIN SELASA	HARI RAYA PUASA * HARI RAYA PUASA (HARI KEDUA) *
31 OGOS	AHAD	HARI KEBANGSAAN
16 SEPTEMBER	SELASA	HARI MALAYSIA
5 OKTOBER 6 OKTOBER	AHAD ISNIN	HARI RAYA QURBAN * HARI RAYA QURBAN (HARI KEDUA)*
23 OKTOBER	KHAMIS	HARI DEEPAVALI *
25 OKTOBER	SABTU	AWAL MUHARAM (MAAL HIJRAH)
25 DISEMBER	KHAMIS	HARI KRISMAS

CATATAN

*TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN

PERINGATAN

JIKA MANA-MANA HARI KELEPASAN AM ITU JATUH PADA HARI KELEPASAN MINGGUAN ATAU HARI KELEPASAN YANG LAIN, MAKA HARI TERSEBUT HENDAKLAH DIGANTIKAN DENGAN HARI ESOKNYA DAN JIKA HARI ESOKNYA ITU PULA SEDIA MENJADI HARI KELEPASAN, MAKA HARI BERIKUTNYA PULA HENDAKLAH DIJADIKAN HARI KELEPASAN. JIKA HARI KELEPASAN ITU JATUH PADA HARI SABTU, MAKA TIADA CUTI GANTI BAGINYA.